

LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK

(Sila baca dan fahami Lembaran Pendedahan Produk ini bersama-sama dengan terma-terma dan syarat-syarat bagi produk ini sebelum anda memohon atau membuat keputusan untuk mengambil Pembiayaan Berjangka-i Bercagarkan Sijil Amanah Saham Bumiputera / Amanah Saham Bumiputera 2 (Pembiayaan ASB/ASB2). Pastikan anda membaca terma-terma yang terdapat di dalam surat tawaran. Dapatkan penjelasan daripada RHB Islamic Bank jika anda tidak memahami mana-mana bahagian dokumen ini atau terma-terma amnya.)



RHB ISLAMIC BANK BERHAD 200501003283 (680329-V)
Diperbadankan di Malaysia



PEMBIAYAAN BERJANGKA-i BERCAGARKAN SIJIL ASB/ASB2


Tarikh: _____
[Untuk di isi oleh Pengurus Perhubungan]

1. Apakah produk ini?

Ia adalah suatu kemudahan pembiayaan berjangka yang patuh Syariah, dengan mencagarkan Sijil Amanah Saham Bumiputera ("ASB") / Amanah Saham Bumiputera 2 ("ASB2"). Kemudahan Pembiayaan ini boleh digunakan untuk membiayai pembelian unit ASB/ASB2 (100% Margin Pembiayaan) atau tidak lebih daripada 105% sekiranya termasuk pembiayaan untuk Takaful (Pilihan).

2. Apakah kontrak Syariah yang diguna pakai untuk produk ini?

Komoditi Murabahah: Komoditi Murabahah terdiri daripada dua kontrak jual beli. Yang pertama melibatkan penjualan aset (contohnya minyak sawit mentah (crude palm oil ("CPO")), soya atau logam seperti aluminium dan tembaga, atau kombinasi daripada komoditi sedia ada) oleh penjual kepada pembeli dengan harga tokokan dan berdasarkan bayaran tertangguh. Selepas itu, pembeli jualan pertama akan menjual aset yang sama kepada pihak ketiga pada harga kos dan secara lani. Dengan konsep Tawarruq, Pelanggan akan menerima wang tunai sebagai pertukaran bagi komoditi yang dijual kepada pihak ketiga.



Wakalah: Wakalah merujuk kepada kontrak dimana pihak prinsipal memberi kuasa kepada pihak lain sebagai ejen untuk menjalankan sesuatu tugas yang boleh diwakilkan kepadanya, samada dengan atau tanpa upah.

Rahn: Rahn merujuk kepada kontrak dimana pihak pemberi cagar mencagarkan sesuatu aset sebagai cagar kepada pihak lain, penerima cagar bagi memenuhi tanggungan si penghutang.

Aliran Transaksi:

Pelanggan dan RHB Islamic Bank (selepas ini dirujuk sebagai "Bank") memasuki satu perjanjian di mana Pelanggan berjanji untuk membeli komoditi tertentu atau aset dari Bank dan Pelanggan kemudiannya memberi kuasa dan melantik Bank sebagai Ejen (Wakil) tunggal dan eksklusif Pelanggan dan / atau membenarkan Bank untuk mewakili hak dan tanggungjawab sebagai Ejen kepada pihak ketiga di bawah kontrak Agensi (Wakalah) untuk bertindak bagi pihak Pelanggan untuk transaksi perdagangan komoditi.

- Bank akan membeli komoditi daripada Broker A pada harga belian secara lani;
- Pemilikan komoditi itu akan dipindahkan kepada Bank;
- Bank akan menjual komoditi tersebut kepada Bank (sebagai ejen Pelanggan) pada harga tokokan (harga belian ditambah margin keuntungan) dengan bayaran tertangguh. Pemilikan komoditi itu akan dipindahkan kepada Pelanggan;
- Pelanggan akan melantik Bank sebagai wakilnya untuk menjual komoditi tersebut;
- Bank bertindak sebagai wakil Pelanggan akan menjual komoditi kepada Broker B;
- Broker B akan membeli komoditi daripada Bank (yang bertindak sebagai Ejen Pelanggan) pada harga belian secara lani;
- Pelanggan akan mengarahkan Bank untuk membayar hasil transaksi jualan kepada RHB Bank;
- Bank akan membuat bayaran seperti arahan daripada Pelanggan kepada RHB Bank;
- RHB Bank akan membayar kepada ASNB untuk unit ASB/ASB2 bagi pihak Pelanggan;
- ASNB akan mengeluarkan Sijil ASB/ASB2;
- Pelanggan akan mencagarkan unit-unit ASB/ASB2 yang tertera melalui Sijil ASB/ASB2 kepada RHB Bank sebagai ejen sekuriti untuk dan bagi pihak Bank.

3. Apakah yang boleh saya perolehi daripada produk ini?

Jumlah Pembiayaan	:	RM 103,000.00
Margin pembiayaan	:	100%
Tempoh	:	40 tahun
*Kadar Asas Standard Islamik (“KASI”)	:	3.00%
Kadar Keuntungan Siling (“KKS”)	:	10.25%
**Harga Jualan	:	RM 429,544.00
Kadar Pembiayaan Lembaga	:	KASI + 3.10%
Kadar Keuntungan Efektif (“KKE”)	:	4.70%

Kadar Keuntungan Efektif	Kadar keuntungan Efektif	Tempoh
KASI + 1.70%	4.70%	480 bulan

Nota:

*KASI mungkin berubah dari semasa ke semasa. Anda boleh merujuk kepada laman web kami, www.rhbgroup.com untuk kadar terkini.

**Harga Jualan = Jumlah Pembiayaan + Jumlah keuntungan berdasarkan KKS. Walau bagaimanapun, jumlah pembayaran akan dikira berdasarkan KKE. Bank akan memberi rebat ke atas baki keuntungan yang selebihnya seperti yang dinyatakan dalam item 10 (v) di bawah.

4. Apakah itu Kadar Asas Standard Islamik (“KASI”)?

KASI yang kami tawarkan untuk produk ini adalah berdasarkan kadar penanda aras yang ditentukan oleh Bank Negara Malaysia. Kadar penanda aras kini ditetapkan sebagai Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate, OPR), yang mencerminkan pendirian dasar monetari yang ditentukan oleh Jawatankuasa Dasar Monetari (Monetary Policy Committee, MPC) Bank Negara Malaysia.

5. Apakah senario-senario yang boleh menyebabkan perubahan KASI?

KASI boleh naik atau turun disebabkan oleh perubahan dalam kadar penanda aras, iaitu perubahan dalam Kadar Dasar Semalaman (“OPR”).

6. Penanda aras KASI untuk tempoh 3 tahun yang lepas:



Nota: KASI telah diperkenalkan pada 1 Ogos 2022. Garis putus-putus menunjukkan data OPR yang terdahulu, iaitu kadar penanda aras KASI. Untuk siri sejarah yang lebih panjang, sila rujuk laman web kami.

7. Apakah kewajipan saya?

Bayaran bulanan anda ialah RM 477.00.

Penting: Bayaran bulanan dan jumlah pembayaran anda akan berbeza-beza tertakluk kepada perubahan pada KASI

Kadar	Hari ini (KASI = 3.00%)	Jika KASI naik 1%	Jika KASI naik 2%
Bayaran Bulanan	RM 477.00	RM 546.00	RM 618.00

Jumlah keseluruhan keuntungan	RM 125,077.88	RM 157,854.44	RM 193,049.66
Jumlah bayaran keseluruhan	RM 228,077.88	RM 260,854.44	RM 296,049.82

Nota:

- Pihak Bank akan memberitahu anda sekurang-kurangnya 7 hari kalendar sebelum tarikh pelaksanaan sekiranya terdapat sebarang perubahan pada Kadar Keuntungan Efektif ("KKE") yang berkaitan dengan Pembiayaan Pelanggan.
- Sijil ASB/ASB2 akan disahkan dan disimpan dalam jagaan Bank sebagai cagaran kepada pembiayaan yang diberikan.

8. Apakah fi dan caj yang perlu saya bayar?

a) **Duti Setem**

Jumlah nominal **RM10.00** (setiap dokumen) seperti yang termaktub di Akta Setem 1949 (Disemak 1989)

b) **Fi Pengendorsan**

RM 50.00 (termasuk cukai perkhidmatan dan/atau apa-apa cukai terpakai yang dikenakan dari semasa ke semasa)

- Fi ini akan didebitkan daripada akaun Pembiayaan Pelanggan pada bayaran bulanan yang pertama. Oleh itu Pelanggan yang menggunakan khidmat arahan tetap (*Standing Instruction*) perlulah memastikan akaun Pelanggan mempunyai baki yang cukup bagi tujuan pembayaran fi ini. Bagi Pelanggan yang membuat bayaran bulanan secara berkala, Pelanggan hendaklah memastikan jumlah bayaran bulanan yang pertama mengambil kira pembayaran fi dan caj ini.
- Pihak Bank akan memaklumi Pelanggan sekurang-kurangnya dalam tempoh 21 hari kalendar sebelum tarikh pelaksanaan sekiranya terdapat sebarang perubahan pada fi dan caj yang berkaitan dengan Pembiayaan Pelanggan.

9. Bagaimana jika saya gagal melaksanakan kewajipan saya?

a) Pelanggan hendaklah membayar *Ta'widh* (ganti rugi) kepada Bank seperti berikut:

i. Sebelum tarikh matang pembiayaan:

Satu peratus (1%) setahun ke atas ansuran tertunggak hingga tarikh pembayaran dan/atau penyelesaian penuh;

ii. Selepas tarikh matang pembiayaan:

Kadar ganti rugi yang tidak melebihi kadar semasa Pasaran Wang Antara Bank secara Islam (IIMM) BNM ke atas jumlah baki tertunggak selepas tarikh matang atau tamat pembiayaan.

b) Apa-apa *Ta'widh* yang dikenakan tidak akan dikompaun

c) Bank berhak, dengan memberi notis bertulis tujuh (7) hari terlebih dahulu kepada Pelanggan, untuk menolak apa-apa wang di dalam mana-mana akaun Pelanggan dengan Bank untuk membayar sebarang amaun yang tertunggak di bawah Pembiayaan ini.

d) Tindakan undang-undang akan diambil sekiranya Pelanggan gagal untuk bertindak balas terhadap notis peringatan. Pelanggan juga dikehendaki menanggung semua kos dan bertanggungjawab untuk menyelesaikan sebarang kekurangan apabila tindakan undang-undang telah dikenakan terhadap Pelanggan.

e) Tindakan undang-undang terhadap Pelanggan boleh menjejaskan penilaian kredit Pelanggan di mana ianya menyebabkan kemudahan kredit adalah lebih sukar atau mahal untuk Pelanggan.

Nota: Notis 14 hari akan dikeluarkan oleh pihak Bank sekiranya Pelanggan gagal menjelaskan bayaran bulanan untuk dua (2) bulan berturut-turut. Pelanggan diberikan 14 hari untuk membuat bayaran bulanan yang tertunggak. Sekiranya Pelanggan gagal membuat bayaran selepas tamat tempoh 14 hari tersebut, pihak Bank akan menjual sijil saham ASB/ASB2 tersebut tanpa apa-apa rujukan lagi kepada Pelanggan.

10. Bagaimana sekiranya saya melangsaikan sepenuhnya pembiayaan sebelum tarikh matang?

Atas budi bicara, Bank akan memberi Rebat (Ibra') ke atas mana-mana jumlah yang perlu dibayar oleh Pelanggan berhubung Pembiayaan ini dalam mana-mana keadaan yang berikut:

i. Apa-apa penyelesaian awal atau penebusan awal oleh Pelanggan termasuk bayaran pendahuluan;

ii. Apa-apa penyelesaian kemudahan pembiayaan disebabkan mana-mana penyusunan semula pembiayaan oleh Pelanggan;

iii. Apa-apa penyelesaian oleh Pelanggan apabila berlakunya Kejadian Kemungkinan;

iv. Apa-apa penyelesaian oleh Pelanggan dengan menamatkan atau membatalkan kemudahan pembiayaan sebelum tamat Tempoh Pembiayaan.

v. Perbezaan di antara jumlah keuntungan berdasarkan Kadar Keuntungan Efektif dan Kadar Keuntungan Siling (jika ada).

Rebat (Ibra ') = * Baki keuntungan belum diperolehi - Caj penyelesaian awal (jika ada).

* *Baki keuntungan belum diperolehi adalah sama dengan keuntungan belum terealisasi pada masa penyelesaian penuh.*

Pengiraan Rebat (Ibra') hendaklah dibuat mengikut apa-apa kaedah, peraturan dan/ atau arahan (sama ada mempunyai kuasa undang-undang atau tidak) yang diperlukan atau dikenakan ke atas pihak Bank dari semasa ke semasa dan pada bila-bila masa oleh Bank Negara Malaysia atau mana-mana pihak berkuasa lain yang mempunyai bidang kuasa ke atas Bank.

11. Bagaimana sekiranya saya melangsaikan bayaran bulanan melebihi daripada jumlahnya?

Apa-apa lebihan bayaran bulanan akan dianggap sebagai bayaran pendahuluan. Bayaran pendahuluan atau lebihan bayaran akan mengurangkan baki prinsipal pembiayaan seterusnya mengurangkan pengiraan keuntungan ke atas Pembiayaan.

12. Adakah saya memerlukan perlindungan Takaful?

Pelanggan mempunyai pilihan sama ada untuk mendapatkan Perlindungan Takaful atau tidak. Sekiranya Pelanggan memilih untuk mendapatkan pembiayaan bagi Perlindungan Takaful, kakitangan jualan kami akan memberikan sebut harga bagi takaful yang ditawarkan oleh panel Bank. Walau bagaimanapun Pelanggan bebas mendapatkan perkhidmatan syarikat takaful lain, namun, untuk mengelakkan dari sebarang kelewatan dalam urusan takaful, Pelanggan digalakkan untuk menggunakan perkhidmatan syarikat takaful di bawah panel Bank.

13. Apakah risiko-risiko utama yang dihadapi dalam produk ini?

Kadar keuntungan bagi pembiayaan ini adalah berubah-ubah dan disandarkan kepada Kadar Asas Standard Islamik ("KASI") yang boleh menyebabkan pembayaran bulanan yang lebih tinggi. Jika Pelanggan mempunyai masalah memenuhi kewajipan Pembiayaan Pelanggan, hubungi Bank lebih awal untuk membincangkan alternatif pembayaran.

14. Adakah permohonan saya memerlukan penjamin atau cagaran?

Ya. Pembiayaan ini memerlukan sijil ASB/ASB2 Pelanggan dicagarkan sebagai sekuriti.

15. Apakah yang perlu saya lakukan jika terdapat perubahan maklumat dan butiran berkenaan maklumat peribadi saya?

- a) Adalah penting untuk Pelanggan memaklumkan kepada Bank mengenai sebarang pertukaran maklumat untuk menghubungi Pelanggan bagi memastikan Pelanggan menerima semua surat-menyurat tepat pada masanya.
- b) Pelanggan boleh memaklumkan kepada Bank sebarang pertukaran melalui pelbagai saluran seperti laman web, cawangan atau hubungi pusat perhubungan Bank di 03-92068118.

16. Di manakah saya boleh mendapatkan bantuan dan pembelaan?

- a) Jika anda mempunyai masalah memenuhi kewajipan pembiayaan anda, hubungi kami dengan segera untuk membincangkan alternatif pembayaran. Anda boleh menghubungi kami di:
Pusat Perhubungan Pelanggan RHB Bank
 Telefon : 03-9206 8118
 E-mel : customer.service@rhbgroup.com
- b) Sebagai alternatif, anda boleh mendapatkan perkhidmatan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit ("AKPK"), sebuah agensi yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia ("BNM") untuk menyediakan perkhidmatan percuma mengenai pengurusan kewangan, kaunseling kredit, pendidikan kewangan dan penyusunan semula hutang untuk individu dan anda juga boleh mengikuti "Program Pengurusan Wang Anda" ("POWER"). Anda boleh menghubungi AKPK di:
Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK)
 Tingkat 5 dan 6, Menara Aras Jaya
 (dahulu dikenali sebagai, Menara Bumiputra Commerce)
 Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur
 Telefon : 03-2616 7766
 E-mel : enquiry@akpk.org.my
- c) Jika anda ingin membuat aduan mengenai produk atau perkhidmatan yang disediakan oleh kami, anda boleh menghubungi kami di:
Pusat Perhubungan Pelanggan RHB Bank
 Telefon : 03-9206 8118
 E-mel : customer.service@rhbgroup.com

Laman Web : <http://www.rhbgroup.com>

- d) Jika soalan atau aduan anda tidak diselesaikan oleh kami secara memuaskan, anda boleh menghubungi Bank Negara Malaysia LINK di:

BNMLINK

Tingkat 4, Podium Bangunan AICB,

No. 10, Jalan Dato' Onn,

50480 Kuala Lumpur

Borang Web : bnmlink.bnm.gov.my

Telefon : 1-300-88-5465 atau +603-2174-1717 (luar negara)

Faks : +603-2174-1515

- e) Ombudsman untuk Financial Services ("OFS") (dahulunya dikenali sebagai Biro Pengantaraan Kewangan) di:

Tingkat 14, Blok Utama

Menara Takaful Malaysia

No 4, Jalan Sultan Sulaiman

50000 Kuala Lumpur

Telefon : 03 2272 2811

Faks : 03 2272 1577

Laman Web : <http://www.ofs.org.my>

17. Di manakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan tentang Pembiayaan Berjangka-i Bercagarkan Sijil ASB/ASB2, sila layari www.rhbgroup.com atau anda boleh juga menghubungi kami di cawangan bank yang terdekat atau hubungi kami di 03-92068118 (Semenanjung Malaysia) or 082-276118 (Sabah dan Sarawak).

**PERINGATAN PENTING: SIJIL ASB/ASB2 ANDA BOLEH DITEBUS
SEKIRANYA ANDA INGKAR DALAM PEMBAYARAN PEMBIAYAAN ANDA.**

Penafian: Lembaran Pendedahan Produk ini adalah untuk tujuan maklumat sahaja dan tidak mengandungi apa-apa nasihat mengenai perkara yang dibincangkan. Semua maklumat dan bahan termasuk perkhidmatan, produk, maklumat kewangan, data, teks atau perkara lain disediakan adalah 'sebagaimana adanya', dan 'seperti yang tersedia' dan disediakan untuk maklumat dan rujukan anda sahaja. Bank tidak menjamin kegunaan atau kecukupan maklumat yang diberikan dan tidak akan bertanggungjawab untuk sebarang kesilapan dan tidak akan bertanggungjawab terhadap akibat pergantungan terhadap pendapat atau pernyataan yang terkandung dalam dokumen ini atau untuk apa-apa peninggalan, melainkan hal berkenaan disebabkan oleh kecuaiian berat, salah laku sengaja, kelalaian sengaja atau penipuan Bank. Terma dan syarat produk ini dinyatakan dalam Surat Tawaran Bank (termasuk lampiran / lampiran tambahan) dan dokumentasi pembiayaan untuk produk ini.

Maklumat yang disediakan dalam helaian pendedahan ini adalah sah bermula dari 16 Februari 2024.

PRODUCT DISCLOSURE SHEET

(Read this Product Disclosure Sheet together with the terms & conditions before you decide to take up the Term Financing-i Collateralized By Amanah Saham Bumiputera / Amanah Saham Bumiputera 2 Certificate (ASB/ASB2 Financing). Be sure to also read the terms in the letter of offer. Seek clarification from RHB Islamic Bank if you do not understand any part of this document or the general terms)



RHB ISLAMIC BANK BERHAD 200501003283 (680329-V)
Incorporated in Malaysia



Term Financing-i Collateralized By ASB/ASB2 Certificate


Date: _____
[to be filled by Relationship Manager]

1. What is this product about?

It is a Shariah-compliant term financing facility which is collateralized by Amanah Saham Bumiputera ("ASB") / Amanah Saham Bumiputera 2 ("ASB2") certificate. This Financing Facility may be used to finance the purchase of ASB/ASB2 units (100% Margin of Financing) or up to 105% if including Takaful financing (optional).

2. What is the Shariah concept applicable?

Commodity Murabahah: Commodity Murabahah consists of two sale and purchase contracts. The first involves the sale of an asset (for example crude palm oil ("CPO"), soy or metal like aluminium and copper, or a combination of available commodities) by a seller to a purchaser at a marked-up price and on deferred payment basis. Subsequently, the purchaser of the first sale will sell the same asset to a third party at cost price and on spot basis. Through Tawarruq, the Customer will receive cash as an exchange for the commodity sold to the third party.



Wakalah: Wakalah refers to a contract where a party, as principal authorizes another party as his agent to perform a particular task on matters that may be delegated, with or without imposition of a fee.

Rahn: Rahn refers to a contract where a party, as pledgor pledges an asset as collateral to another party, a pledgee to fulfil an obligor's liability or obligation owing to the pledgee in the event of default of such obligor.

Transaction Flow:

The Customer and RHB Islamic Bank (hereinafter will be referred to as "the Bank") enters into an arrangement whereby the Customer agrees to purchase a specified commodity or asset from the Bank and the Customer subsequently authorizes and appoints the Bank as his sole and exclusive Agent (Wakil) and / or authorizes the Bank to delegate its rights and duties as such agent herein to any third party under Agency (Wakalah) contract to act on his behalf for the commodity trading transactions.

- The Bank will purchase commodity from Broker A at cost price on spot basis;
- Ownership of commodity will be transferred to the Bank;
- The Bank will sell the commodity to the Bank (as Customer's agent) at a 'mark-up' price (cost price plus profit margin) on deferred payment basis. Ownership of the Commodity shall be transferred to the Customer;
- Customer will appoint the Bank as agent to sell-off the commodity;
- The Bank (acting as the Customer's agent) will sell the commodity to Broker B;
- Broker B will purchase the commodity from the Bank (acting as the Customer's agent) at the purchase price on spot basis;
- Customer instructs the Bank to pay the proceeds from sale transaction to RHB Bank;
- The Bank will make the payment to RHB Bank as instructed by Customer;
- RHB Bank will pay ASNB for ASB/ASB2 unit on behalf of Customer;
- ASNB will release the ASB/ASB2 certificate;
- Customer pledges the ASB/ASB2 units as stated on ASB/ASB2 certificate to RHB Bank that acts as security agent for and on behalf of the Bank;

3. What do I get from this product?

Total Financing	: RM 103,000.00
Margin of financing	: 100%
Tenure	: 40 years
*Standardised Base Rate Islamic ("SBRI")	: 3.00%
Ceiling Profit Rate ("CPR")	: 10.25%
**Selling Price	: RM 429,544.00
Board Rate	: SBRI + 3.10%
Effective Profit Rate ("EPR")	: 4.70%

Effective Profit Rate	Effective Profit Rate	Tenure
SBRI + 1.70%	4.70%	480 months

Note:

*SBRI may vary from time to time. Please refer to RHB Group website for the latest rate.


**Selling Price = Total Financing + Total Profit based on CPR. However, the total payment will be calculated based on EPR. The Bank will give a rebate to the remaining profit as per stated in item 10 (v) below.

4. What is the Standardised Base Rate Islamic ("SBRI")?

The SBRI we offer on this product is based on the benchmark rate specified by Bank Negara Malaysia. The benchmark rate is currently set as the Overnight Policy Rate ("OPR"), which reflects the monetary policy stance as decided by the Monetary Policy Committee of Bank Negara Malaysia.

5. What are possible scenarios to trigger a change in the SBRI?

The SBRI can rise or fall due to changes in the benchmark rate, i.e. changes in the Overnight Policy Rate ("OPR").

6. Historical SBRI for the past 3 years:

Note: The SBRI was introduced on 1 August 2022. The dotted line shows the historical series of the OPR, which is the benchmark rate of the SBRI. For a longer historical series, please refer to our website.

7. What are my obligations?

Your monthly instalment is RM 477.00.

Important: Your monthly instalment and total payment amount will vary if the SBRI changes.

Rate	Today (SBRI = 3.00%)	If SBRI goes up 1%	If SBRI goes up 2%
Monthly Instalment	RM 477.00	RM 546.00	RM 618.00
Total Profit Amount	RM 125,077.88	RM 157,854.44	RM 193,049.66
Total Payment Amount	RM 228,077.88	RM 260,854.44	RM 296,049.82

Note:

- The Bank will inform you at least 7 calendar days before the effective date in the event that there are any changes to the Effective Profit Rate that is related to Customer's Financing.
- ASB/ASB2 certificates will be endorsed and kept under the Bank's custody as collateral for the financing granted.

8. What are the fees and charges do I have to pay?**a) Stamp Duty**

Nominal amount of RM10.00 (per document) as per Stamp Act 1949 (revised 1989)

b) Endorsement Fee

RM 50.00 (inclusive of service tax and/or any applicable taxes imposed from time to time)

- This fee will be debited into Customer's Financing account on the first month of payment. Customers who are using Standing Instruction needs to ensure that their account contains sufficient amount to pay for this fee. For Customers who make monthly payments periodically, they need to ensure that their first monthly payment also includes sufficient amount to pay for this fee.
- The Bank will inform Customer at least 21 calendar days before the effective date in the event that there are any changes to the fees and charges related to Customer's Financing.

9. What if I fail to fulfill my obligations?

a) The Customer has to pay Ta'widh (compensation) to the Bank as follows:

- Before the financing maturity date:
One percent (1%) per annum on the outstanding instalment up to the due date and /or full settlement;
- After the financing maturity date:
A compensation rate which shall not be more than BNM Islamic Interbank Money Market (IIMM) current rate on the outstanding amount after maturity or end of Financing.

b) Any Ta'widh imposed will not be compounded.

c) The Bank has the right by giving 7 days prior notice to the Customer, to debit any amount of money in any of the Customer's account with the Bank to pay the outstanding amount due to the Bank.

d) Legal action will be taken if the Customer failed to act on the notice. Customer has to bear all the costs and is responsible to settle any shortfall once legal action is taken on the Customer.

e) Legal action taken on the Customer can affect the Customer's credit scoring where the credit facility will be more rigid or expensive for the Customer.

Note: A 14-day notice will be issued by the Bank if the Customer failed to pay the monthly instalment for two (2) consecutive months. Customer is given 14 days to pay for the outstanding amount. If you failed to pay after the 14-day period, the Bank will redeem the ASB/ASB2 certificate without any further reference made to you.

10. What if I fully settle the financing before its maturity?

The Bank shall have the absolute discretion to grant rebate (ibra') on any amount payable by the Customer in respect of any payment due under the Facility in any of the following situations:

- early settlement or early redemption by the Customer including prepayment;
- settlement of the Facility due to any financing restructuring exercise by the Customer;
- settlement by the Customer upon occurrence of the Event of Default;
- settlement by the Customer in the event of termination or cancellation of the Facility before the expiry of the Tenure;
- difference between the amount of profit based on Effective Profit Rate and Ceiling Profit Rate (if any).

Rebate (Ibra') = *Remaining Unearned Profit – Early Settlement Charges (if any).

**Remaining Unearned Profit is equal to unrealised profit at the time of full settlement.*

The calculation of rebate (Ibra') shall be made in accordance with any rules, regulations and/or directives (whether or not having the force of law) required of or imposed upon the Bank from time to time and at any time by Bank Negara Malaysia or any other authority having jurisdiction over the Bank.

11. What if I paid my monthly payment higher than its amount?

Any additional amount made to the monthly payment will be considered as advanced payment. Advance payments or overpayments will reduce the principal balance of the financing and further reduce the calculation of profit on the financing.

12. Do I need any Takaful coverage?

Customer has the option to obtain Takaful protection or not. In the event that Customer chooses to obtain financing for the Takaful protection, our sales staff will provide the price quotation for the takaful offered by the Bank's panel. However, Customer is free to seek services from other takaful companies, although, to avoid any delays in takaful arrangements, Customer is encouraged to use the takaful company's services under Bank's panel.

13. What are the main risks involved with this product?

Profit rate for this financing may vary and is based on the Standardised Base Rate Islamic ("SBRI") that may result in higher monthly payments. If Customer have any difficulties in making monthly payments to Customer's Financing, contact the Bank early on to discuss on alternative payments.

14. Does my application require any guarantor or collateral?

Yes, this Financing requires the Customer's ASB/ASB2 certificate pledged as security.

15. What do I need to do if there are changes to my contact details?

- a) It is important that you inform the Bank of any changes to your contact details to ensure that all correspondences reach you in a timely manner.
- b) You may inform the Bank such changes via various channels of communication such as the website, branches or contact centre at 03-9206 8118.
- c)

16. Where can I get assistance and redress?

- a) If you have difficulties in making payments, you should contact us immediately to discuss payment alternatives. You may contact us at:
RHB Bank Customer Contact Centre
 Telephone : 03-9206 8118
 E-mail : customer.service@rhbgroup.com
- b) Alternatively, you may seek the services of Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit ("AKPK"), an agency established by Bank Negara Malaysia ("BNM") to provide free services on money management, credit counselling, financial education and debt restructuring for individuals and you may also join "Program Pengurusan Wang Anda" ("POWER"). You can contact AKPK at:
Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK)
 Tingkat 5 dan 6, Menara Aras Jaya (formerly known as, Menara Bumiputra Commerce)
 Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur
 Telephone : 03-2616 7766
 E-mail : enquiry@akpk.org.my
- c) If you wish to complain on the products or services provided by us, you may contact us at:
RHB Bank Customer Contact Centre
 Telephone : 03-9206 8118
 E-mail : customer.service@rhbgroup.com
 Website : http://www.rhbgroup.com
- d) If your query or complaint is not satisfactorily resolved by us, you may contact Bank Negara Malaysia LINK at:
BNMLINK
 4th Floor, Podium Bangunan AICB,
 No. 10, Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur
 Web form : bnmlink.bnm.gov.my
 Telephone : 1-300-88-5465 or +603-2174-1717 (for overseas calls)
 Fax : +603-2174-1515
- e) Ombudsman for Financial Services ("OFS") (Formerly known as Financial Mediation Bureau) at:
 Level 14, Main Block
 Menara Takaful Malaysia
 No 4, Jalan Sultan Sulaiman
 50000 Kuala Lumpur
 Telephone : 03 2272 2811
 Fax : 03 2272 1577
 Website : http://www.ofs.org.my

17. Where can I get further information?

Should you require additional information on Term Financing-i Collateralized By ASB/ASB2 Certificate, please visit www.rhbgroup.com or you may also contact us at our nearest bank branch or call us at 03-9206 8118 (Peninsular Malaysia) or 082-276118 (Sabah and Sarawak).

IMPORTANT NOTE: YOUR ASB/ASB2 INVESTMENTS MAY BE REDEEMED IF YOU DO NOT KEEP UP PAYMENTS ON YOUR FINANCING.

Disclaimer: This Product Disclosure Sheet is for information purposes only and does not constitute any advice on any matter discussed. All information and materials including those on services, products, financial information, data, text or other items are provided strictly 'as is' and 'as available' and is so provided for your information and reference only. RHB Islamic Bank does not guarantee the usefulness or adequacy of the information provided and shall not be liable for any errors and will not be responsible for the consequences of reliance upon any opinion or statement contained herein or for any omission. The precise terms and conditions of this Facility are specified in the Bank's Letter of Offer (including the appendixes / annexures) and the Legal Documents for the Banking Facilities.

The information provided in this disclosure sheet is valid as at 16 February 2024.